



Ruj. kami : M QA.100-1/7/1 ( 26 )  
Tarikh : 1 Ogos 2017

## KEPADA SEMUA UNIVERSITI AWAM

Tuan,

### PEKELILING M QA BIL. 2/2017

#### KEPERLUAN PENILAIAN AKREDITASI BAGI PROGRAM DEEMED ACCREDITED UNIVERSITI AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan dasar dan keperluan jaminan kualiti agar semua program pengajian mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF), semua Universiti Awam (UA) dikehendaki menyelaraskan dan mengendalikan program pengajian dengan keperluan MQF dan standard program yang berkaitan. Ini termasuk program *deemed accredited* yang telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tetapi tidak pernah dinilai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

3. Sehubungan itu, satu surat bertarikh 17 Ogos 2016 telah dihantar kepada UA untuk memaklumkan bahawa UA perlu memohon penilaian Akreditasi Penuh bagi program-program *deemed accredited* selewat-lewatnya 30 Jun 2017. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat banyak UA yang belum berbuat demikian. Oleh itu, semua UA hendaklah mohon penilaian Akreditasi Penuh bagi program-program *deemed accredited* selewat-lewatnya **31 Disember 2017**. Dokumen yang perlu dikemukakan bagi setiap program boleh didapati dalam Portal M QA: [http://www.mqa.gov.my/PortalMQAv3/default/en/pubs\\_form.cfm](http://www.mqa.gov.my/PortalMQAv3/default/en/pubs_form.cfm). Dokumen tersebut adalah seperti berikut:


- i. **Lampiran B** (Permohonan untuk Mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara) bagi setiap program berserta *demand draft* bagi fi permohonan sebanyak RM100.00 bagi pengeluaran perakuan;
- ii. **Borang B** (Permohonan bagi Perakuan Akreditasi program atau Kelayakan) bagi setiap program;
- iii. Dokumen berkaitan program program pengajian mengikut format M QA-02 (empat salinan soft copy);

- iv. Satu salinan perakuan pendaftaran institusi / bukti penubuhan institusi (sekiranya berkaitan);
  - v. Satu salinan surat kelulusan pengendalian program daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau pihak berkuasa lain yang berkaitan;
  - vi. Satu salinan perakuan akreditasi sementara (jika berkaitan);
  - vii. Senarai pelajar mengikut semester pengajian;
  - viii. Kalender akademik program pengajian; dan
  - ix. *Demand draft* bagi fi permohonan Perakuan Akreditasi Program atau Kelayakan sebanyak RM10,000 bagi program peringkat Sarjana Muda dan RM7,000 bagi program peringkat Diploma. (Mulai 01 Januari 2018 akan menggunakan kadar fi baharu perkhidmatan MQA seperti dalam Surat Makluman MQA Bil.1/2017).
4. Bagi universiti berstatus Swaakreditasi, semua program *deemed accredited* perlu dikaji semula dan hendaklah melalui penilaian akreditasi oleh pihak universiti. Program-program yang telah diakredit perlu dimaklumkan kepada MQA untuk didaftarkan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR).
5. Sekiranya pihak UA gagal untuk mengemukakan permohonan penilaian Akreditasi Penuh, atau mendaftarkan program (bagi kes program daripada UA berstatus swaakreditasi) kepada MQA selewat-lewatnya **31 Disember 2017**, program-program *deemed accredited* tersebut akan dikeluarkan daripada Daftar Kelayakan Malaysia. Sementara itu, **program-program yang belum mendapat perakuan Akreditasi Penuh termasuk program *deemed accredited* tidak boleh difrancaiskan kepada pemberi pendidikan tinggi (PPT) swasta.**
6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)**

E-mel: [mrujhan@mqa.gov.my](mailto:mrujhan@mqa.gov.my)

s.k.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2 Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 PUTRAJAYA**